

<b>Headline</b>	<b>Program tanam buluh di Zoo Negara</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>12 Mar 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Mahkamah</b>	<b>Circulation</b>	<b>60,000</b>
<b>Page No</b>	<b>37</b>	<b>Readership</b>	<b>180,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>95 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 523</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 1,568</b>



# Program tanam buluh di Zoo Negara

**KETUA** Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), Datuk Dr Abd Latif Mohmod, melawat Zoo Negara, baru-baru ini bagi membincangkan penanaman pokok buluh untuk makanan Panda yang bakal menyerikan Zoo Negara pada Mei nanti.

Dr Abd Latif yang diiringi dua penyelidik Frim, Abd Razak Othman dan Mohd Afendi Hussin, juga mengadakan perbincangan dengan Presiden Zoo Negara, Datuk Sr. Zahari Md Arif, Timbalan Presiden, Rosli @ Rahmat Ahmat Lana, dan pegawai lain mengenai jalinan kerjasama dua hala antara Frim dengan Zoo Negara.

Antara lain, mereka membincangkan tentang kaedah "food testing" pemakanan Panda, kaedah penghantaran sampel buluh ke China, penambahbaikan landskap kawasan Zoo Negara dan jalinan kerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi)

dalam usaha penghantaran sampel buluh.

Mereka juga dibawa melawat ke tapak penanaman buluh berhampiran zoo dan kawasan seluas lapan hektar (20 ekar) yang bakal ditanam pokok buluh.

Frim menghantar 190 pokok benih buluh terdiri daripada 20 benih buluh siam (*Thrysostachys siamensis*), 30 benih buluh betung (*Dendrocalamus asper*), 20 benih buluh buddha belly/botol (*Bambusa ventricosa*) dan sebanyak 120 benih buluh pagar (*Bambusa multiplex*) ke Zoo Negara untuk ditanam.

Setakat ini, 120 benih telah ditanam dan dijangkakan sebanyak 500 benih buluh lagi akan ditanam di Zoo Negara dalam program Panda nanti.

**Berita**